

**Masih banyak soalan perlu dijawab, PAS ingatkan BN**  
**The Malaysian Insider**  
**August 5, 2015**

Susulan penerangan mengenai dana politik dibuat Ketua Komunikasi Strategik Barisan Nasional (BN) Datuk Abdul Rahman Dahlan di kaca televisyen malam tadi, PAS hari ini menegaskan masih banyak lagi soalan yang perlu dijawab.

Antaranya, Timbalan Presiden PAS Datuk Tuan Ibrahim Tuan Man mempersoalkan mengapa perdana menteri tidak menjawab berhubung wang yang dimasukkan ke akaun peribadinya sebanyak RM2.6 bilion itu ketika The Wall Street Journal (WSJ) membuat pendedahan itu awal bulan lalu.

"Perdana menteri masih berdiam diri meskipun rakyat sudah menanti lebih sebulan sehingga Tun Dr Mahathir Mohamad pun naik angin.

"Padahal bukan payah sangat untuk perdana menteri menjelaskan: 'Ini sumbangan derma daripada penderma perihatin'. Peliknya mengapa perdana menteri tidak menjawab sedemikian ketika WSJ melakukan tuduhan ke atasnya?," soalnya dalam satu kenyataan hari ini.

Katanya, kenyataan yang akhirnya dibuat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) pada Isnin, menjelaskan wang tersebut merupakan sumbangan derma, bukan wang 1Malaysia Development Berhad (1MDB), adalah mengecewakan.

"Apakah kini perdana menteri yakin rakyat akan percaya wang itu sumbangan derma hanya kerana SPRM mengumumkan sedemikian?

"Rakyat nak tahu ke mana hutang RM42 billion yang kini menjadi liabiliti kepada 1MDB dibelanjakan. Itu pun kerana yang menjamin hutang tersebut ialah rakyat. Kalau yang menjamin ialah besan perdana menteri di Kazakhstan, tak apalah," katanya.

Sehubungan itu, Tuan Ibrahim berkata Najib sebagai seorang yang menerima gaji daripada rakyat harus menjelaskan sumber RM2.6 bilion yang dimasukkan ke akaunnya.

"Lebih elok kalau rakyat tahu siapa penderma tersebut bagi mengelak tuduhan dan kecurigaan apakah perdana menteri bekerja untuk penderma berkenaan atau untuk rakyat," katanya.

Katanya, pendedahan itu juga akan membantu Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) membuat kunjungan kepada dermawan tersebut dan mungkin Pusat Pungutan Zakat juga berminat mengadakan lawatan.

Beliau juga mempersoalkan kewajaran perdana menteri menggunakan akaun peribadinya bagi menerima dana sebesar RM2.6 bilion itu.

"Ia menjadikan beliau (Najib) memasuki carta 10 orang terkaya di Malaysia, sedangkan ia boleh mengundang pelbagai prasangka buruk kepada beliau," katanya.

Tuan Ibrahim juga menuntut penjelasan mengenai pecahan wang RM2.6 bilion itu.

"Berapakah jumlah yang dibelanja Umno-BN bagi menghadapi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) lalu? Apakah ia melepasi had yang ditentukan Akta Pilihan Raya? Jika ya, bukannya keputusan PRU13 yang lalu menjadi tidak sah?"

"Jika dana itu tidak habis digunakan untuk PRU13 yang lalu dan bukan untuk kegunaan peribadi, berapakah baki duit derma yang masih berada di akaun itu ketika akaun perbadi perdana menteri yang mengandungi RM2.6 bilion itu ditutup?," soalnya.

Katanya, beliau percaya soalan yang dikemukakannya sangat ditunggu jawapannya oleh rakyat marhaen, namun mungkin "dipandang remeh-temeh kepada mereka yang berniat cuba menutup sesuatu daripada pandangan rakyat". – 5 Ogos, 2015.

Copyright © 2015 Edge Insider Sdn Bhd

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/masih-banyak-soalan-perlu-dijawab-pas-ingatkan-bn>